



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 APRIL 2023 (SELASA)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

4 APRIL 2023 (SELASA)

Tiada peniaga jual 'ayam bulat' lebih harga siling: KPDN

Batu Pahat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendapati dalam tempoh 10 hari berpuasa hingga kelmarin, tiada peniaga yang menjual 'ayam bulat' melebihi harga siling ditetapkan iaitu RM9.40 sekilogram.

Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, bagi memastikan peniaga terus patuh dengan harga ditetapkan itu, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafas) serta pemain industri akan sentiasa peka sepanjang masa.

Katanya, libat urus ketiga-tiga pihak secara bersama akan dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu bagi memastikan harga siling yang ditetapkan itu kekal hingga AIdilfitri nanti.

"Sekali lagi saya nak tekankan hari ini (berhubung) harga dan bekalan ayam walaupun ada desas-desus mengatakan ia tidak mencukupi, KPDN akan sentiasa peka dan libat

urus akan dilakukan seminggu tiga kali.

"Ini bagi memastikan keberadaan ayam bulat khususnya di pasaran mencukupi, bukan itu sahaja peniaga juga perlu patuh dengan harga ditetapkan," katanya dalam sidang media selepas Majlis Edaran Bubur Lambuk dan Agihan Baukar Rahmah di Pasar Raya Econsave Yong Peng di sini.

Terdahulu, 100 penerima yang terjejas bencana banjir menerima Baukar Rahmah bernilai RM200 untuk kegunaan pembelian barang keperluan harian selain Pasar Raya Econsave mengedarkan bubur lambuk tanda simbolik edaran sebanyak 200,000 bungkus di seluruh negara.

Jelas Salahuddin lagi, dalam tempoh berkenaan juga bukan sahaja tiada peniaga yang menjual ayam bulat melebihi harga siling,

malah ada sebahagiannya terutama pasar raya termasuk Pasar Raya Econsave menjualnya di bawah harga ditetapkan.

Dalam pada itu, Pasar Raya Econsave turut menyahut seruan untuk mengadakan Jualan Rahmah de-

ngan menurunkan harga bagi 1,003 barang keperluan antara tiga dan 50 peratus hingga 30 April ini.

KPDN akan sentiasa peka dan libat urus akan dilakukan seminggu tiga kali

Salahuddin

Salahuddin berkata penurunan harga seperti itu memberikan kesan sangat besar kepada kemampuan rakyat untuk berbelanja sebagai persiapan menyambut kedatangan hari lebaran.

"Pemain industri seperti Econsave juga sudah memberikan jaminan kepada pihak kami untuk memberikan harga terbaik kepada orang ramai yang semestinya tidak akan membantahan," katanya.

Harga minyak masak botol kekal hingga 7 Mei

Kuala Lumpur: Kerajaan dan industri bersetuju mengekalkan harga runcit minyak masak tulen kemasan botol bagi tempoh antara 8 April hingga 7 Mei ini, walaupun berlaku kenaikan harga sawit mentah dunia pada bulan lalu.

Ini bermakna harga runcit maksimum bagi minyak masak tulen kemasan botol bagi satu kilogram (kg) kekal RM6.90, RM13.30 bagi dua kilogram, tiga kilogram (RM19.60) dan RM30.90 bagi lima kilogram.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata langkah itu bagi mengelak rakyat terbeban, terutama ketika Ramadan dan sam-

butan Aidilfitri tidak lama lagi.

Berikutkan langkah pengekalan harga itu, beliau berkata, kerajaan perlu membayar subsidi kepada pengilang penapis minyak sawit secara tuntutan balik berjumlah kira-kira RM7 juta, berdasarkan anggaran kadar penggunaan 25 tan minyak masak jenis itu dalam tempoh sebulan.

"Purata harga minyak sawit mentah pada Mac RM4,139 bagi setiap tan, berbanding RM3,908 per tan pada Februari. Kenaikan ini sekali gus menyebabkan berlaku kenaikan harga runcit minyak masak tulen kemasan botol berdasarkan konsep harga siling bergerak," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Subsidi minyak masak RM7 juta sebulan

KUALA LUMPUR – Bagi memastikan harga runcit minyak masak kemasan botol bagi kategori 1 hingga 5 kilogram tidak dinaikkan, kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM7 juta sebulan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPND), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, harga bagi kategori minyak masak kemasan botol 1 kilogram ditetapkan adalah RM6.90.

"Bagi 2 kilogram, harganya RM13.30. Bagi 3 kilogram pula RM19.60 dan untuk 5 kilogram harganya RM30.90. Kita telah mengambil tanggungjawab.

"Kerajaan dan industri ber-setuju mengekalkan harga runcit. Maka tiada kenaikan setelah kita adakan libat urus dengan industri.

"Harga minyak masak peket yang dijual pada harga RM2.50



MINYAK masak botol dikekalkan harganya buat masa ini mengambil kira kesusahan rakyat terutamanya ketika Ramadan. – GAMBAR HIASAN

di pasaran juga kekal," katanya pada sidang akhbar di Lobi Parlimen di sini semalam.

Salahuddin menerangkan, subsidi RM7 juta sebulan itu berdasarkan anggaran penggunaan

minyak masak kemasan botol digunakan rakyat sebanyak 25,000 metrik tan sebulan.

Menurut beliau, kerajaan membuat keputusan tidak meningkatkan harga minyak masak

kemasan botol meskipun harga minyak sawit mentah meningkat pada Mac berbanding Januari lalu.

Ujarnya, harga minyak sawit mentah pada Januari 2023 adalah RM3,908 per tan metrik sebelum meningkat kepada RM4,139 per tan metrik bulan lalu.

Katanya, meskipun berlaku peningkatan harga, namun harga minyak masak dikekalkan kerana kerajaan mengambil kira kesukaran dihadapi rakyat terutama ketika Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Mana-mana pihak yang menjual lebih daripada harga maksimum akan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

"KPND juga akan teruskan pemantauan, di samping terus menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada kerajaan," katanya.

Harga minyak masak tulen kemasan botol kekal hingga 7 Mei

PUTRAJAYA — Harga minyak masak tulen kemasan botol kekal bagi tempoh mulai 8 April hingga 7 Mei 2023.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berkata, harga runcit maksimum ditetapkan adalah RM6.90 bagi botol 1 kilogram (kg), RM13.30 (2 kg), RM19.60 (3 kg)

dan 30.90 (5 kg).

Katanya, terdapat kenaikan harga minyak sawit mentah untuk bulan Mac berbanding bulan sebelumnya yang telah melepas RM4,000 per tan metrik.

"Purata harga minyak sawit mentah untuk bulan Mac 2023 adalah RM4,139 per tan matrik berbanding RM3,908 per tan

matrik pada bulan Februari 2023.

"Secara keseluruhan, ia mengakibatkan kenaikan harga runcit minyak masak. Bagaimanapun, kerajaan dan industri bersetuju untuk mengekalkan harga runcit bagi mengurangkan beban pengguna," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, pengekalan harga

runcit minyak masak sawit kemasan botol ini melibatkan pembayaran subsidi kepada pengilang-pengilang penapis secara tuntutan bayaran balik berdasarkan bilangan tuntutan sebenar.

"KPDN akan terus membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup dan menangani isu kenaikan harga bagi memastikan

sambutan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri tidak terjejas," jelasnya.

Dalam pada itu, KPDN berkata, mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksimum boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011 dan boleh dikenakan penalti.

Cooking oil prices fixed until May 7

KUALA LUMPUR: The government and industry players have agreed to maintain the retail prices of cooking oil from April 8 to May 7 to ensure that consumers are not affected by an increase in prices ahead of Hari Raya Aidilfitri.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the maximum retail prices for bottled cooking oil were RM6.90 (1kg bottle), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) and RM30.90 (5kg), Bernama reported.

"Maintaining the retail prices of bottled cooking oil involves the payment of subsidies to cooking oil manufacturers in the form of reimbursement claims based on the actual claim value.

"Those who sell above the ceiling prices can face action under the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 and be penalised (with a fine of) RM100,000 or imprisoned for not more than three years, or both, while companies can be fined up to RM500,000," he said yesterday.

Bottled cooking oil price unchanged for Ramadan

KUALA LUMPUR: The maximum retail price for bottled cooking oil will remain unchanged during the month of Ramadan from April 8 until May 7, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The Domestic Trade and Cost of Living Minister said the ministry remained committed to easing the burden of the people during the fasting month and the upcoming Hari Raya Aidilfitri.

He said the ceiling retail price for bottled cooking oil was RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) and RM30.90 (5kg).

This is despite an increase in the average price of crude palm oil in the world market. "The government has decided not to increase the price of bottled cooking oil.

"This is to ensure the welfare of the people and to help those in need, especially during the fasting month and the Hari

Raya Aidilfitri celebration," he told a press conference. Salahuddin warned that legal action could be taken against traders who sold bottled cooking oil above the stipulated price under the Price Control and Anti-Profliteering Act 2011.

"Individuals can be fined up to RM100,000 or jailed not more than three years or both, while companies can be fined up to RM500,000," he said.

**Harga Menu
Rahmah RM2
hingga RM4 lebih
rendah**

KUALA LUMPUR – Menu Rahmah yang merupakan pilihan makanan dimasak ditawarkan kepada golongan memerlukan dijual pada harga RM5 tetapi lebih rendah berbanding harga yang selalu dijual di pasaran antara RM7 hingga RM9.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, Menu Rahmah juga merupakan pilihan makanan dimasak ditawarkan kepada keluarga yang tidak sempat memasak pada hari bekerja.

"Saya ingin maklumkan, Menu Rahmah ditawarkan pada harga RM5, tetapi selalunya menu tersebut ditawarkan pada harga RM7 hingga RM9. Tanpa ada kompromi dari segi saiz potongan ayam, (kuantiti) sayur dan sebagainya.

"Jadi selalunya dijual pada RM7, RM9, tetapi hidangan yang sama ditawarkan Menu Rahmah pada harga RM5," katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Lari tinggalkan kereta bawa minyak seludup



ANGGOTA penguatan kuasa KPDN memeriksa minyak masak yang ditemui dalam kereta yang ditinggalkan.

Tumpat: Seorang penyeludup bertindak melarikan diri ke kawasan semak apabila kereta dipandunya 'terperangkap' di jalan mati di Telaga Bata, di sini, selepas diekoris pihak berkuasa sejauh 20 kilometer (km), malam kelmarin.

Terdahulu, anggota penguatan kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) bersama Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor mengesan kereta itu di Lundang, Kota Bharu kira-kira jam 9 malam kelmarin.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata, kereta Proton Saga yang dipandu seorang lelaki itu dilihat dalam keadaan mencurigakan menghala ke Tumpat.

Menurutnya, sebaik penduduknya menyedari diekoris, dia memecut laju ken-

deraannya bermula dari Pasir Pekan sehingga ke Kampung Telaga Bata iaitu sejauh kira-kira 20 km.

"Sebaik memasuki kampung itu, pemandu bertindak meninggalkan kenderaananya kerana gagal mencari jalan keluar dan melarikan diri ke semak berhampiran.

"Pemeriksaan dalam kenderaan menemui beberapa kotak mengandungi 595 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi dianggarkan bernilai RM1,487.50," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, kesemua minyak masak bersubsidi itu dipercayai mahu dibawa ke pangkalan haram di Pengkalan Kubor bagi tujuan penyaludupan ke Thailand.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

KPDN gagalkan cubaan dua lelaki seludup minyak masak peket masa tarawih

Oleh HAZEEN LIANA
KAMARUDIN
TUMPAT

Tindakan dua lelaki untuk menyeludup 595 kilogram (kg) minyak masak peket semasa umat Islam sedang solat tarawih gagal selepas diserbu anggota penguasa di Kampung Telaga Bata, di sini pada Ahad.

Dalam serbuan jam 9 malam itu, kedua-dua suspek bertindak meninggalkan kereta jenis Proton Saga yang sarat dengan barang kawan terbabit selepas menyedari kehadiran anggota penguasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Kelantan serta Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga, Pengkalan Kubor Tumpat.

Pengarah KPDN, Azman Ismail berkata, bertindak atas

Kantoi seludup minyak masak, lari masuk dalam semak

maklumat risikan anggota berugas telah mengekor sebuah kereta yang disyaki mengangkut minyak masak peket dari arah Kota Bharu menghala ke Tumpat. "Menyedari diekor, pemandu kenderaan terbabit kemudian memecut kenderaan mereka masuki bulatan Pasir Pekan menghala ke Cabang Empat Tok Mek Ngah.

"Setiba di Kampung Telaga Bata, kereta terbabit telah masuk ke laluan di tepi tali air dan kemudian terbiasa serta tersangkut dalam semak," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurut beliau, dua lelaki kemudian telah bertindak keluar dari kereta dan mlarikan diri ke kawasan semak berhampiran serta gagal dikesan.

Ujarnya, pemeriksaan lanjut di dalam kereta berkenaan telah

menemui muatan minyak masak peket bersubsidi seberat 595 kg di dalam kereta terbabit.

Azman memberitahu, nilai rampasan keseluruhan termasuk kereta dianggarkan berjumlah RM11,487.50 dan kes akan dijasas bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"KPDN Kelantan memberikan amaran keras kepada mana-mana individu yang menjalankan aktiviti yang tidak bermoral ini, seterusnya tindakan tegas akan diambil tanpa kompromi."

"Dalam masa yang sama juga Penguasa Kuasa KPDN Kelantan sentiasa mempergiatkan lagi usaha dengan mengadakan Ops Tiris dan Pemantauan Rondaan Pencegahan Penyelewengan Subsidi di sekitar sempadan negara dari masa ke semasa," katanya.



Penguasa kuasa KPDN dan polis membuat pemeriksaan ke atas sebuah kereta yang ditahan selepas menyeludup minyak masak peket di Kampung Telaga Bata, Tumpat pada Ahad.



MEDIA ONLINE (KPDN)

4 APRIL 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 4 APRIL 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
4-Apr	Harga minyak masak tulen botol kekal	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/harga-minyak-masak-tulen-botol-kekal/	UM
4-Apr	Harga minyak masak kemasan botol, peket kekal - Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/harga-minyak-masak-kemasan-botol-peket-kekal-salahuddin-413835%3famp=1	ASTROAWANI
4-Apr	Harga runcit minyak masak tulen kekal – KPDN	https://malaysiagazette.com/2023/04/03/harga-runcit-minyak-masak-tulen-kekal-kpdn/	MALAYSIAGAZETTE
4-Apr	Harga runcit minyak masak sawit tulen kekal hingga 7 Mei, kata menteri	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/436220	THEMALAY-SIANINSIGHT
4-Apr	Harga runcit minyak masak sawit tulen kekal hingga 7 Mei	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2178512	BERNAMA
4-Apr	Ceiling price of bottled cooking oil fixed until May 7	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/03/ceiling-price-of-bottled-cooking-oil-fixed-until-may-7	THESTAR
4-Apr	Harga minyak masak botol kekal sehingga 8 Mei	https://www.sinarharian.com.my/article/252723/berita/nasional/harga-minyak-masak-botol-kekal-sehingga-8-meい	SH
4-Apr	Harga minyak masak botol kekal bagi tempoh 8 April - 7 Mei	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1085488/harga-minyak-masak-botol-kekal-bagi-tempoh-8-april-7-meい	BH
4-Apr	Harga minyak masak sawit kekal sehingga 7 Mei	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/04/952770/harga-minyak-masak-sawit-kekal-sehingga-7-meい	HM

4-Apr	Harga minyak masak sawit dalam botol kekal	https://suaramerdeka.com.my/harga-minyak-masak-sawit-dalam-botol-kekal/	SUARAMERDEKA
4-Apr	Lapor KPDN jika peniaga jual ayam lebih harganya syiling	https://www.edisi9.com.my/2023/04/lapor-kpdn-jika-peniaga-jual-ayam-lebih-harganya-syiling/	EDISI9
4-Apr	Three Rahmah Ramadan Bazaar sites	https://www.dailyexpress.com.my/news/210533/three-rahmah-ramadan-bazaar-sites/	DAILYEXPRESS
4-Apr	Tiga lokasi tawar Bazar Ramadan Rahmah di Sabah	https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/03/tiga-lokasi-tawar-bazar-ramadan-rahmah-di-sabah	UMBORNEO
4-Apr	Tiga lokasi BRR di Sabah sediakan makanan berbuka puasa	https://www.google.com/amp/s/www.nabalunews.com/amp/tiga-lokasi-brr-di-sabah-sediakan-makanan-berbuka-puasa	NABALUNEWSS
4-Apr	Dua lelaki gagal seludup minyak masak peket masa tarawih	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/252686	SH
4-Apr	Harga minyak masak botol kekal hingga 7 Mei - KPDN	https://youtu.be/bgxIWYoNWow	KINITV
4-Apr	Retail prices for cooking oil unchanged until May 7 – Salahuddin	https://themalaysianreserve.com/2023/04/03/retail-prices-for-cooking-oil-unchanged-until-may-7-salahuddin/	THEMALAYSIANRESERVE
4-Apr	Harga runcit minyak masak sawit tulen kekal sehingga 7 Mei – Salahuddin	https://www.melakahariini.my/harga-runcit-minyak-masak-sawit-tulen-kekal-sehingga-7-meisalahuddin/	MELAKAHARINI

4-Apr	Retail prices for cooking oil unchanged until May 7, says Salahuddin	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/04/03/retail-prices-for-cooking-oil-unchanged-until-may-7-says-salahuddin/62980	MALAYMAIL
4-Apr	Harga runcit minyak masak tulen kekal hingga 7 Mei, kata Salahuddin	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/03/harga-runcit-minyak-masak-tulen-kekal-hingga-7-meい-kata-salahuddin/	FMT
4-Apr	Parlimen: Harga runcit minyak masak sawit	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/parlimen-harga-runcit-minyak-masak-sawit-tulen-botol-kekal/	UM
4-Apr	Harga runcit minyak masak tulen kemasan botol kekal	https://youtu.be/RtesrwQihF0	BERNAMATV
4-Apr	Stesen minyak tanpa subsidi diperluas di kawasan sempadan negara secara berfasa	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2178549	BERNAMA